

DATE	21/10/2012	SECTION	National
PAGE	3	COLUMN	Kumpatan

## Laporan Musim Haji 1433h



ANTARA bakal jemaah haji dari Semporna.

### Bakal jemaah perlu patuhi peraturan ditetapkan

SEMPORNA: Menteri Di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Nasir Tun Sakaran mengingatkan bakal jemaah haji sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan Tabung Haji Malaysia (THM) dan Kerajaan Negara Arab Saudi serta merujuk kepada THM sekiranya berhadapan dengan masalah semasa menjalankan ibadah haji.

Katanya, ibadat haji memerlukan kekuatan diri dari segi mental dan fizikal untuk menuai rukun Islam kelima itu dengan lebih selesa dan lancar.

Sehubungan itu, Nasir menasihatkan bakal jemaah haji sentiasa menjaga kesihatian, pemakanan serta sentiasa bersyukur kepada Allah SWT dengan melaksanakan rukun haji dan umrah dengan sempurna.

Katanya, tujuan ke tanah suci perlu jelas serta ikhlas dengan niat dan tujuan semata-mata kerana Allah untuk menuai ibadat haji dan tidak melibatkan diri dengan perlakuan yang bercanggah dengan undang-undang serta peraturan yang boleh menjelaskan nama Negara.

"Bakal jemaah diibaratkan duta kecil semasa di Mekah dan hendaklah sentiasa menjaga nama baik negara," kata Nasir.

Datuk Nasir yang juga menteri bertanggungjawab mengenai Hal Ehwal Agama

Islam Sabah, menjelaskan niat ikhlas melahirkan ibadat yang sempurna dan akan mendapat ganjaran pahala yang besar daripada Allah SWT.

Datuk Nasir berkata demikian sempena melancarkan majlis penyerahan barang keperluan Haji di Dewan Serbaguna Perpustakaan Daerah di sini.

Hadir sama dalam majlis itu Pengurus Tabung Haji Daerah Abd Samat Mansur; Pemimpin Unit Kemajuan Rakyat Kawasan Senallang, Tahir Amir; Ketua Daerah OKK Musa Sabaani dan Pengerusi Jawatankuasa Kursus Haji Semporna (J-KHsH), Buldahim Jaukani.

Sempena majlis itu Nasir menyampaikan barang keperluan haji daripada THM, sumbangan peribadi dan sumbangan ikhlas Ketua Menteri berbentuk "Kad Reload".

Dalam pada itu, bakal haji dari daerah ini yang telah disahkan seramai 62 orang pada tahun ini, sementara lebih 200 orang masih lagi dalam senarai menunggu.

Justeru, beliau menasihatkan kepada mereka yang masih menunggu untuk menuai haji perlu bersabar dan berdoa semoga niat mereka akan tercapai apabila usaha penambahan kuota haji diluluskan.

Bakal jemaah haji tersebut dijangka akan berangkat ke Mekah pada 8 Oktober ini.